

Sekretariat tetap multaqa beroperasi di Malaysia

UM 13 JUL 2003

PUTRAJAYA 12 Julai

Multaqa Ulama Sedunia yang pertama kali diadakan bakal menyaksikan penubuhan sebuah sekretariat tetap yang akan beroperasi di Malaysia.

Penubuhan Sekretariat Tetap Multaqa Sedunia itu diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi mengupas dan merancang aktiviti membabitkan pengajuran seminar, bengkel dan perbincangan berkaitan isu mengenai Islam.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman berkata, cadangan penubuhan sekretariat tetap itu turut mendapat sokongan ulama, cendekiawan dan pemikir Islam yang menghadiri Multaqa Ulama Sedunia yang berakhir hari ini.

"Kita yakin penubuhan sekretariat tetap ini akan menjadi kenyataan," katanya ketika ditemui semasa multaqa itu berhenti rehat di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Multaqa Ulama Sedunia berkata, kerajaan bersedia menyumbangkan dana untuk membiayai sekretariat tetap itu yang ibu pejabatnya terletak di Kuala Lumpur serta turut bersedia menerima sumbangan pihak lain.

Katanya, struktur organisasi sekretariat itu akan ditentukan selepas mengambil kira pandangan Dr. Mahathir sendiri manakala anggotanya terdiri daripada kalangan ulama dalam dan luar negara.

Katanya, beberapa ulama dari seluruh dunia yang menghadiri multaqa itu telah menyatakan sokongan untuk membantu sekretariat berkenaan.